



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
22 Syawal 1441 / 14 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Ahad, 22 Syawal 1441H bersamaan 14 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang** manakala **jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
2. Pada masa ini, hanya seorang pesakit masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan syifa yang sepenuhnya kepada beliau. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin.
3. Sementara itu, pada masa ini, seramai 67 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala

seramai 2,756 orang telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Walau bagaimanapun, terdapat 279 orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **2,401** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 434 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 24,833 ujian.

5. Berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai 378,346 ahli telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah 8,021 telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, sebanyak 4,117 premis perniagaan telah memuat turun applikasi PremiseScan. Sehubungan dengan applikasi PremiseScan ini, semua premis-premis adalah dinasihatkan untuk memuat turun applikasi tersebut bagi memudahkan pengimbasan kod QR terutama sekali kepada orang ramai yang tidak mempunyai telefon bimbit untuk masuk ke premis berkenaan.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui **aplikasi BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 22 Syawal 1441H / 14 Jun 2020